



Misi Bantuan Kemanusiaan Pantai Timur

INTAN Wilayah Utara telah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Kedah dan Himpunan Anak Kelantan (HAK) Sungai Petani dalam menjayakan Misi Bantuan Kemanusiaan Pantai Timur pada 6 hingga 8 Januari 2015. Seramai 120 orang sukarelawan termasuk 30 orang warga INTURA telah menjayakan misi ini. Dr. Zurina bt. Abdul Hamid, Pengarah INTURA (PWU) juga tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyertai misi ini.

Semua sukarelawan berkumpul di Lagenda Height, Sungai Petani pada 6 Januari 2015 sebelum berlepas ke Kuala Krai, Kelantan. Tujuan utama misi ini



Majlis pelepasan di Lagenda Height

diadakan adalah untuk memberi bantuan pascabanjir kepada mangsa khususnya di sekitar Daerah Kuala Krai, Kelantan. Sukarelawan INTURA bertanggungjawab dalam urusan penyelarasan dan penyediaan makanan dan minuman kepada kesemua sukarelawan yang terlibat ter-

masuk penduduk setempat sepanjang 3 hari 2 malam berada di sana.

Antara aktiviti lain yang telah dilakukan sepanjang berada di sana ialah mencuci Masjid Kampung Rahmat (tempat penginapan sukarelawan), mencuci surau dan tadika di Kampung Pahi, mencuci surau di Kampung



PWU menyampaikan sumbangan

Derdap Lekir, mengagihkan sumbangan keperluan kepada penduduk kampung, dan menyumbang tikar, sejadah, telekung, dan Al-Quran kepada Masjid Kampung Rahmat.

Walaupun sumbangan yang diberikan tidak seberapa, tetapi begitu besar di mata mereka yang amat memerlukan. Peluang untuk membantu dan melihat sendiri keadaan selepas banjir begitu menyentuh hati para sukarelawan. Kesan kemusnahan begitu teruk sehingga ada yang hilang tempat tinggal. Tetapi, berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Semoga mereka terus tabah dan terima kasih kepada para sukarelawan serta semua warga yang telah menghulurkan bantuan dan sumbangan.

Kursus iTOP

Kursus Transformasi Organisasi INTAN Wilayah Utara (iTOP) telah diadakan pada 20 hingga 22 Januari 2015 bertempat di INTAN Wilayah Utara dan Gua Tempurung, Kampar, Perak. Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memupuk semangat bekerja secara berpasukan, meningkatkan motivasi dan kecemerlangan diri serta menyumbang secara efektif kepada visi dan misi organisasi.

Seramai 78 orang warga INTURA termasuk Pengarah INTURA telah menyertai kursus yang dikendalikan oleh konsultan jemputan daripada ZIQZUL Corporation Sdn. Bhd. yang melibatkan

aktiviti secara berpasukan di Dewan Jubli Perak dan sekitar INTURA. Hari kedua peserta bertolak ke Gua Tempurung untuk menjalankan aktiviti memanah, *flying fox*, dan *night walk* dan hari ketiga melibatkan aktiviti kembara menyelusuri gua tempurung.

Secara keseluruhannya, selain dapat memupuk semangat kerjasama, kursus ini secara tidak langsung dapat menyatukan setiap unit di INTURA dan mengeratkan ukhuwah sesama warga INTURA.



En. Affandy dari ZIQZUL Corporation Sdn. Bhd

Career Resolutions: What To Think About?

As the calendar turns to a new year, it is a time for reflection on many levels.

One of those areas that stimulates self-reflection is career development. Are you where you want to be? What is your three year plan? What are your long term goals?


If you are going through that exercise, whether at the start of a calendar year or at any other time of the year, here are some questions to ask yourself to guide the process:

- **What is happening in my industry?** While it seems logical to start with *you* as you review *your* career aspirations, take a step back and start by looking at the external environment. In order to figure out where your career can take you, it is important to look at industry trends and developments in your own organization (and competitors) first. Also, consider other industries that might value your skills or have a long term appeal for you. These observations can provide valuable context for considering the second question.
- **What skills/experience do I need to reach my career goals?** Once you have identified some opportunities in your firm, in your industry and perhaps in other fields, it is time for introspection. Be honest with yourself. Do you have the skills and experiences needed to pursue any of the interesting options you discovered in answering the first question? Will you get them soon without making any changes to your routine? If not, this may be your moment of realization as to what you resolve to change in the coming year.


- **How can I connect with others in my chosen field?** This is an important question whether you are looking to advance with your current employer or are contemplating moving to another firm in the same industry or are plotting a change of course that will lead you into a new industry. Expanding your network serves many purposes. You may hear about openings that otherwise elude you. Being connected with others allows you to display expertise and experience to a different audience than just your co-workers and bosses. LinkedIn is the gold standard for building your professional network. So, committing to be a more active user of LinkedIn and other appropriate social media platforms can strengthen your reputation, and that is important whether your goal is short term change or long term professional growth.
- **How can I deepen existing relationships?** While the previous question dealt with expanding your network, this one is equally important. Do your personal and professional contacts know about your professional accomplishments? This is a first step in leveraging the relationships you have built during your life. The people who *already* know and respect you *want* to know how you have evolved. But unless you figure out a way to let them know about your achievements they will not be able to offer appropriate assistance, guidance or advice.

Extract from <http://www.about.com>


Bahan Bacaan Pilihan Bulan Januari



Buku ini menghimpun sejumlah surah-surah dan ayat-ayat pilihan sebagai amalan yang boleh dimanfaatkan di dalam kehidupan seharian. Amalan dari surah dan ayat Al-Quran bukan saja menjadi pelindung, pendinding dan penawar kepada yang mengamalkannya, malah boleh mendidik hati dan perasaan yang keji kepada kemuliaan.



Buku ini menerangkan tentang pelbagai jenis bencana, lengkap dengan karakteristiknya untuk membantu kita mengenali saat sesuatu bencana akan berlaku. Selain itu, ia juga dapat membantu kita untuk 'bersikap mesra' atau bersedia bagi menghadapi segala kemungkinan yang akan berlaku disebabkan bencana tersebut.



Buku ini menunjukkan bagaimana untuk mereka bentuk pengajaran dalam talian yang menggunakan elemen-elemen terbaik untuk meningkatkan pembelajaran, penyimpanan dan penggunaan pengetahuan. Ia menerangkan bagaimana untuk memadankan strategi permainan yang berbeza bagi hasil pembelajaran yang betul untuk mencapai kejayaan.

Sekitar Misi Bantuan Kemanusiaan Pantai Timur



Sekitar Kursus iTOP



Hadis Pilihan

Malu Itu Sebahagian Daripada Iman

Hadis

Daripada Ibn Umar RA bahawasanya Rasulullah SAW melalui seorang lelaki daripada golongan Ansar yang sedang menasihati saudaranya tentang malu (yang keterlaluan), lalu Baginda SAW bersabda, "Biarkanlah dia (dengan perasaan malunya), kerana malu ini sebahagian daripada iman."

Huraian

- 1) Hadis menunjukkan kelebihan sifat malu, sifat malu adalah antara kesempurnaan iman, kerana sifat ma-

lu menghalang seseorang daripada melakukan maksiat, dan mendorongnya melakukan taat dan ibadat.

- 2) Malu adalah semulajadi (fitrah) dalam diri manusia, ianya boleh diasuh dan boleh dididik supaya sesuai dengan tuntutan syarak.
- 3) Islam menyuruh umatnya bersifat pemalu kerana malu itu sebahagian daripada iman.

Tahukah Anda

Abdullah bin Abdulaziz Al Saud ialah Raja Arab Saudi dan Penjaga Dua Masjid Suci pada tahun 2005 hingga 2015. Baginda pernah menjadi Putera Mahkota sebelum menjadi raja. Baginda menjadi Raja Arab Saudi selepas Raja Fahd meninggal dunia. Baginda ditabalkan menjadi Raja Arab Saudi pada 3 Ogos 2005 tetapi mewarisi gelaran Raja dengan serta merta selepas kematian Raja Fahd. Raja Abdullah juga berkhidmat sebagai Perdana Menteri dan Panglima Pengawal Kebangsaan Arab Saudi. Baginda ialah salah seorang anak lelaki daripada 37 orang anak lelaki pengasas kerajaan Arab Saudi iaitu Abdul Aziz Al-Saud. Baginda mangkat pada 23 Januari 2015, umur 90 tahun, tiga minggu selepas dimasukkan ke hospital kerana pneumonia.

Sumber: www.wikipedia.org

Kursus Sepanjang Februari 2015

KURSUS BERJADUAL


1. Kursus Pembangunan Sahsiah
02/02/2015 hingga 05/02/2015
2. Kursus Asas Protokol dan Etiket Sosial
16/02/2015 hingga 18/02/2015
3. Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan
09/02/2015 hingga 11/02/2015
4. Kursus Pengurusan Stor
02/02/2015 hingga 05/02/2015
5. Bengkel Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan
02/02/2015 hingga 05/02/2015
6. Kursus Kecemerlangan Pasukan Pelaksana
09/02/2015 hingga 12/02/2015
7. Kursus Microsoft Tips and Trickso
09/02/2015 hingga 10/02/2015
8. Bengkel Audit Kualiti Dalaman
02/02/2015 hingga 04/02/2015
9. Bengkel Penulisan Surat Rasmi dan Memo Berkualiti
23/02/2015 hingga 26/02/2015
10. Kursus Komunikasi dan Persembahan Berkesan
09/02/2015 hingga 12/02/2015



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

 www.intanbk.intan.my/intura

 maklumbalas@intura.intan.my

 INTAN Kampus Wilayah Utara

Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)

samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)